**Segerakan pembenihan awan** MS 5



**Warna; Kumpul & Menang** MS 16 & 28




PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com




16 – 30 APRIL, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Hutang terkumpul, tunggakan P. Pinang kepada Pusat paling rendah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Hutang terkumpul Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan sehingga tahun 2015 sejumlah RM69.36 juta adalah paling rendah berbanding negeri-negeri lain. (Lampiran A).

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tunggakan Kerajaan Negeri sejumlah RM1.49 juta juga direkodkan paling rendah, sekaligus mencerminkan kejayaan tadbir urus kewangan Kerajaan Negeri secara integriti dan berhemah. (Lampiran B).

"Kejayaan ini adalah kerana Kerajaan Negeri tak makan wang.

"Kita hanya hutang 0.41 peratus sahaja daripada keseluruhan (RM16.8 bilion) hutang semua Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis rasmi di Wisma Yeap Chor Ee di sini baru-baru ini.

Pada tahun 2008, Guan Eng memberitahu, pentadbirannya mewarisi hutang terkumpul sejumlah RM625.44 juta daripada pemimpin Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) terdahulu.

Hutang terkumpul Kerajaan Negeri Johor kepada Kerajaan Persekutuan sehingga tahun 2015 sejumlah RM249.01 juta direkodkan di kedudukan kedua paling rendah, diikuti Perlis

Hutang Kerajaan Negeri Kepada Pusat Bagi Tahun 2015 :-

| | NEGERI | JUMLAH (RM juta) |
|---|---|---|
| 01 | PULAU PINANG | 69.36 |
| 02 | JOHOR | 249.01 |
| 03 | PERLIS | 373.17 |
| 04 | PERAK | 608.63 |
| 05 | TERENGGANU | 909.48 |
| 06 | NEGERI SEMBILAN | 942.76 |
| 07 | MELAKA | 950.97 |
| 08 | SELANGOR | 1,032.82 |
| 09 | KELANTAN | 1,342.41 |
| 10 | KEDAH | 2,283.30 |
| 11 | SARAWAK | 2,531.25 |
| 12 | SABAH | 2,608.46 |
| 13 | PAHANG | 2,922.98 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 16,824.60 |

Lampiran A

Tunggakan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2015 :-

| | NEGERI | JUMLAH (RM juta) |
|---|---|---|
| 01 | PULAU PINANG | 1.49 |
| 02 | SARAWAK | 18.26 |
| 03 | SELANGOR | 27.09 |
| 04 | SABAH | 30.18 |
| 05 | PERAK | 56.22 |
| 06 | JOHOR | 69.74 |
| 07 | NEGERI SEMBILAN | 156.73 |
| 08 | PERLIS | 197.64 |
| 09 | KELANTAN | 306.86 |
| 10 | MELAKA | 337.84 |
| 11 | TERENGGANU | 450.84 |
| 12 | PAHANG | 836.32 |
| 13 | KEDAH | 893.74 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 3,382.95 |

Lampiran B

(RM373.17 juta), Perak (RM608.63 juta), Terengganu (RM909.48 juta), Negeri Sembilan (RM942.76 juta), Melaka (RM950.97 juta), Selangor (RM1.03 bilion), Kelantan (RM1.34 bilion), Kedah (RM2.28 bilion), Sarawak (RM2.53 bilion), Sabah (RM2.61 bilion) dan terakhir adalah Pahang (RM2.92 bilion).

Tambahnya, tunggakan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat pada tahun 2015 juga adalah paling rendah berbanding negeri-negeri lain, iaitu sebanyak RM1.49 juta sahaja.

Di kedudukan kedua adalah Sarawak dengan jumlah tunggakan RM18.26 juta, diikuti Selangor (RM27.09 juta), Sabah (RM30.18 juta), Perak (RM56.22 juta), Johor (RM69.74 juta), Negeri Sembilan (RM156.73 juta), Perlis (RM197.64 juta), Kelantan (RM306.86 juta), Melaka (RM337.84 juta), Terengganu (RM450.84 juta), Pahang (RM836.32 juta) dan Kedah (RM893.74 juta).

Dalam kenyataan berasingan sebelum itu, Guan Eng turut menjelaskan mengenai isu nyah hutang Kerajaan Negeri kira-kira RM600 juta, melalui persetujuan bersama berhubung penghijrahan aset air negeri kepada Kerajaan Pusat pada tahun 2011.

"Nyah hutang Kerajaan Pulau Pinang hari ini (kira-kira RM600 juta) bukan dilakukan secara percuma.

"Kalau nak terima kasih, Kerajaan Pusat pun kena terima kasih kepada kita kerana dia dapat aset," responsnya pada gambaran serong yang dibangkitkan oleh pemimpin pembangkang Pulau Pinang.

Beliau turut respons pada kenyataan Timbalan Pengerusi MCA Pulau Pinang, Tan Teik Cheng yang menyebut *"Federal Govt wiped off state's debts"*, dalam akhbar berbahasa Inggeris pada 18 April lalu.

Baginya, Teik Cheng seakan tidak memahami maksud sebenar 'tunggakan' dan 'jumlah hutang terkumpul' ketika mengulas mengenai pencapaian Kerajaan Negeri hari ini.

"Hutang adalah jumlah hutang (terkumpul)... tunggakan adalah yang sepatutnya anda bayar secara ansuran tetapi tidak bayar.

"Mungkin (pemimpin) MCA tak faham apa beza jumlah hutang dan tunggakan," seloroh Guan Eng.

# PERDA, mana rumah murah? soal KM

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini mempersoalkan ketelusan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) untuk membangunkan rumah murah di Kampung Tok Keramat, Seberang Perai Selatan (SPS)

Beliau berkata, PERDA sendiri mengaku bahawa tanah seluas 8.5 ekar dijual dengan kerugian RM15.2 juta bagi membolehkan pembinaan rumah murah untuk rakyat.

Namun, jelas Guan Eng, sehingga ke hari ini, hanya permohonan untuk membangunkan 27 unit rumah kedai diterima daripada PERDA.

"Mana rumah murah?

"(Pembangunan) rumah murah perlu didahulukan, namun sehingga ke hari ini, hanya permohonan membina rumah kedai diterima.

"Jika inipun (mendahulukan pembangunan rumah murah) PERDA tak tahu, baik gulung tikar sahaja.

"(Kerana) perlu diingatkan bahawa tanah tersebut merupakan tanah awam dan ia melibatkan kepentingan awam," ujarnya.

Dalam sidang media berasingan, Guan Eng menganggap PERDA yang dipengerusikan oleh Datuk Shabudin Yahaya seakan mengkhianati kepentingan rakyat kerana tanah awam tersebut dijual di bawah nilai pasaran sebenar serta 'murah'.

"Sepatutnya dibina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah terlebih dahulu atau sekurang-kurangnya ia serentak dengan projek pembangunan (bercampur) yang lain, bukannya didahulu projek pembangunan lot kedai sahaja.

"Bagaimana tanah yang diambil daripada rakyat boleh PERDA jual dengan harga yang murah, tetapi tidak dibina rumah 'murah' untuk rakyat pula," soalnya sambil sekali lagi mencabar Shabudin yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor untuk berdebat secara terbuka mengenai isu berbangkit tersebut.

# Pinjaman tanpa faedah TUTM modal kembang ternakan ayam piru Shafinaz

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**


KETUA Menteri, Dr. Afif Bahardin (enam dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama para penerima cek pinjaman mikro kredit TUTM kali kedua di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyampaikan cek pinjaman mikro kredit Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) kali kedua kepada lima petani dan empat penternak terpilih.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, penerimaan kali pertama sebelum ini adalah membabitkan 24 orang, meliputi kategori pertanian, penternakan dan perikanan.

Hadir sama, tiga Exco Kerajaan Negeri, Chow Kon Yeow, Jagdeep Singh Deo serta Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Difahamkan, TUTM dilancarkan pada 13 Jun 2014 di Tapak Ekspo Seberang Jaya, sempena Majlis Perasmian Agrofest Pulau Pinang tahun itu.


NOOR Shafinaz Ismail.

Kerajaan Negeri memperuntukkan RM250,000 setahun, dengan pemberi pinjaman mikro kredit maksimum sejumlah RM5,000, demi menggalakkan golongan muda dan pengusaha di bawah usia 40 tahun terlibat dalam tiga sektor berwajib di Pulau Pinang.

Salah seorang penerima, Noor Shafinaz Ismail, 32, yang ditemui Buletin Mutiara memberitahu, pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 akan dijadikan modal untuk mengembangkan bidang ternakan ayam piru beliau di Kampung Permatang Manggis dekat Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU).

“Saya sedang mengintai peluang untuk ternak ayam kampung juga selepas ini memandangkan permintaan yang menggalakkan," ujarnya sambil ditemani suami, Kamarul Adanan, 32.

Tambah Noor Shafinaz, ternakan ayam piru di negeri ini sebenarnya mempunyai prospek pasaran yang agak baik, terutama pada musim perayaan.

Penerima muda, Muhamad Fakrul Azim Yusof, 19, pula berkata, pinjaman yang diterimanya akan digunakan untuk membeli enjin pam serta menaiktaraf sistem perpaipan di kebunnya.

“Apabila dapat menambah baik dua perkara tersebut, ianya secara tidak langsung diharap dapat memajukan lagi sektor cucuk tanam (sayur-sayuran) yang saya usahakan ini,” ujarnya yang mula menceburkan diri dalam sektor tersebut sejak berumur 10 tahun.

Seorang lagi penerima, Mohd. Izuan Ishak, 25, memberitahu bahawa pinjaman mikro kredit itu akan dimanfaatkan sebagai modal pusingan di kebun sayurnya di Kampung Labu Banting dekat Tasek Gelugor, SPU.

Bagi Julia Che Ros, 32, pinjaman TUTM itu mampu membantu beliau meningkatkan produktiviti mingguan sehingga 1,200 biji kek.

“Sekarang saya mampu hasilkan lebih kurang 800 biji kek (pelbagai) dalam masa seminggu, oleh itu apabila pusingan modal melalui TUTM ini diharapkan dapat merealisasikan peningkatan dari segi pengeluaran,” ujar pengusaha bakeri berkenaan.

Semasa majlis itu, Julia turut menghadiahkan kek yang beliau cipta sendiri hasil pembelajaran melalui internet kepada Guan Eng.

# PTSR manfaat perniagaan Asma jual kepak ayam

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**


ASMA Ramli.

**BAYAN BARU –** Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) atau lebih dikenali 'pinjaman mikro kredit' yang menawarkan pinjaman tanpa faedah kepada peniaga-peniaga kecil di negeri ini telah memanfaatkan seorang peniaga pasar malam, Asma Ramli, 40.

Asma ketika ditemui Buletin Mutiara menyatakan bahawa pinjaman tersebut membolehkan beliau membuat pusingan modal harian untuk menjual kepak ayam.

“Alhamdulillah, nak pusing modal senang sikit untuk beli barang-barang mentah.

“Tambahan, kutipan balik secara mingguan mengurangkan beban untuk bayar jumlah yang besar setiap bulan,” katanya yang telah tiga kali berjaya memperoleh pinjaman PTSR dan berhasrat untuk mendapatkan gerai tetap bagi menjalankan perniagaannya kelak.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Cek Pinjaman PTSR Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Hadir sama, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan PDC, Dr. Jauriyah Shamsuddin.

*Dalam pada itu, menurut Mohd. Rashid, sejak pelaksanaan PTSR bermula tahun 2010, Kerajaan Negeri melalui PDC telah memperuntukkan RM11 juta bagi menjayakan program berkaitan.*

*“Malah, bagi tahun ini (2016), sebanyak RM4.5 juta diperuntukan.*

*“Sehingga 29 Mac lalu, sejumlah RM9.72 juta telah diagihkan kepada 2,227 peminjam membabitkan lima daerah di Pulau Pinang.*


SEBAHAGIAN penerima PTSR mengadakan perbincangan selepas selesai Majlis Penyampaian Cek Pinjaman PTSR Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

“Malah, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM6.99 juta iaitu 83 peratus peminjam berjaya membuat bayaran balik (pinjaman), manakala bakinya, RM1.58 juta (18 peratus) masih tertunggak," jelas beliau.

Pinjaman PTSR disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM10,000 dengan tempoh bayaran balik antara satu hingga dua tahun.

# Isu PERDA jual tanah awam: MP Tanjung minta polis siasat Shabudin bawah Seksyen 409 KK

**GEORGE TOWN –** Satu laporan polis dibuat oleh Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik berhubung Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Datuk Shabudin Yahaya yang didakwa menjual sebidang tanah awam dengan harga terlalu rendah serta di bawah nilai pasaran sebenar.

Bercakap kepada pemberita, Wei Aik mendedahkan agensi persekutuan tersebut menjual tanah terbabit kepada pihak swasta, SYT Prestige Sdn. Bhd..

"Adakah beliau (Shabudin) berani bertindak seperti Datuk Abdul Rahman Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) yang sanggup berdebat dengan Ketua Menteri.

"Justeru, hari ini saya hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut untuk membuat laporan berkenaan keraguan penjualan tanah ini.

"Saya minta pihak polis supaya dapat menyiasat Shabudin di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan (KK) kerana terdapat elemen pecah amanah oleh penjawat awam atau ejennya," ujarnya sebelum membuat laporan polis di Balai Polis Jalan Patani di sini baru-baru ini.

Tambahnya, sepatutnya tidak boleh dimajukan sebarang projek pembangunan komersial memandangkan tanah tersebut diambil untuk tujuan awam, berdasarkan Akta Pengambilan Tanah.

Hadir sama, beberapa Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit, Harvinder Singh, Ong Ah Teong, Grace Teoh Goon Kee, Wong Yuee Harng dan Goh Choon Keong.

Terdahulu, PERDA didedahkan menjual 3.461 hektar (ha) tanah itu semurah RM1.427 juta, padahal harga pasaran yang disyorkan sendiri oleh Jabatan Penilaian & Perbendaharaan Hartanah langsung di bawah Kementerian Kewangan adalah setinggi RM16.636 juta.

Susulan itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, rakyat Pulau Pinang seakan rugi RM15.2 juta dengan tindakan tersebut.

# Sertai jamuan, simbol solidariti KM bersama penduduk Kg. Pmtg. Tok Subuh



KETUA Menteri, Lee Khai Loon (duduk, dua dari kiri), Steven Sim Chee Keong (duduk, tiga dari kiri) merakamkan gambar bersama-sama barisan pemimpin Badan Bertindak Selamatkan Hak Penduduk Kampung Permatang Tok Subuh pada majlis kenduri komuniti di sini baru-baru ini.

**MACHANG BUBUK –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menghadiri kenduri di Kampung Permatang Tok Subuh, sekaligus dilihat sebagai simbol solidariti Kerajaan Negeri bersama-sama perjuangan penduduk asal mendepani langkah pengusiran daripada tuan tanah persendirian di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Jab Somat (Penyelaras Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti, JKKK , KADUN Machang Bubuk) dan Choo Choon Khai (wakil Jaringan Rakyat Tertindas, JERIT) turut sertai majlis keraian tersebut.

Selepas jamuan, Guan Eng dan Pengerusi Badan Bertindak Selamatkan Hak Penduduk Kampung Permatang Tok Subuh, Hamidah Che Embi saling berbincang mengenai langkah susulan demi membela nasib penduduk asal terbabit.

Lebih 20 keluarga menunggu masa untuk diusir daripada rumah masing-masing, selepas penghakiman ingkar untuk mengusir mereka yang berkenaan dari tanah kampung tersebut berjaya diperoleh tuan tanah sebelum ini.

# 19, 556 unit rumah PR1MA di Pulau Pinang? soal Exco




KERATAN akhbar yang memaparkan pengumuman pembinaan 19,556 unit rumah PR1MA di Pulau Pinang dan iklan terkini yang menidakkan pembinaan unit rumah PR1MA di negeri ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Exco Perancang Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menggesa Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) supaya menjelaskan secara terperinci projek-projek pembangunan rumah mampu milik pihak berkaitan di Pulau Pinang.

Katanya, berdasarkan kenyataan Ketua Pegawai Operasi PR1MA pada 7 April 2016, sejumlah 19,556 unit rumah PR1MA akan dibangunkan di Pulau Pinang, namun, mengikut rekod Kerajaan Negeri (sehingga 15 April 2016), hanya 14,935 unit dalam permohonan.

"Dalam apa jua keadaan pun, tidak ada satu permohonan tersebut diluluskan. Misalnya, permohonan di Batu Ferringhi telah ditangguhkan bagi membolehkan PR1MA menyemak semula harga.

"Begitu juga permohonan di Kampung Sungai Pinang, Balik Pulau. Pemajuan 29 blok rumah mampu milik hingga mencecah RM510,000 adalah tidak masuk akal sama sekali. Lebih-lebih lagi, bangunan 27 tingkat tersebut melebihi ketinggian ditetapkan di kawasan Balik Pulau, iaitu hanya maksima 16 tingkat.

"Lain-lain masih belum diterima. Apakah PR1MA akan membina 19,556 unit rumah mampu milik di Pulau Pinang? PR1MA perlu jelaskannya secara terperinci termasuk lokasi, jumlah unit dan harga yang ditawarkan," soalnya pada majlis sidang media di sini 11 April lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut mendesak PR1MA agar dapat menyusun semula harga maksimum bagi unit-unit perumahan PR1MA kepada RM300,000 seunit dalam meningkatkan akses rumah mampu dimiliki oleh rakyat.

Beliau berkata demikian setelah Pulau Pinang bersetuju untuk menetapkan harga siling rumah mampu milik pada harga RM300,000 melalui Jawatankuasa Kerja Pemantauan Pelaksanaan Keputusan (JKPKM) Majlis Perumahan Negara (MPN) pada 4 April 2016.

"Penetapan harga siling tersebut dibuat setelah mendapat saranan Kerajaan Persekutuan untuk merendahkan had siling semasa di bahagian pulau kepada RM300,000 berbanding had harga semasa, RM400,000.

"Bagi rumah mampu milik di bahagian Seberang Perai, harga dikekalkan pada had harga RM250,000 seunit," jelasnya.

*Jagdeep dalam pada itu mengingatkan bahawa satu-satunya sebab Kerajaan Negeri menetapkan had harga siling RM400,000 sebelum ini adalah disebabkan hakikat bahawa PR1MA, program perumahan mampu milik Kerajaan Persekutuan juga menetapkan harga sedemikian sebagaimana diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 7 Oktober 2011 dalam ucapan bajet beliau sebelum pengisytiharan Akta PR1MA 2012.*

*"Justeru, saya secara khusus meminta agar PR1MA juga mengikut jejak merendahkan had siling kepada RM300,000 kerana saya tidak nampak rasional atau justifikasi untuk PR1MA terus mengekalkan harga siling pada RM400,000.*

"Jika sektor swasta di Pulau Pinang boleh berbuat demikian, mengapa tidak Kerajaan Persekutuan? Mengapa tidak PR1MA yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri?

"Sesungguhnya, sebagai sebuah kerajaan, kita harus meletakkan kepentingan rakyat terlebih dahulu dan bukannya keuntungan," ujar beliau.

# KN kecam tindakan tahan Rafizi bawah OSA

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Pulau Pinang hari ini mengecam tangkapan ke atas Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli di luar Parlimen, dengan menggunakan Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, Rafizi hanya melakukan tanggungjawabnya sebagai Ahli Parlimen dengan mendedahkan dokumen-dokumen salah laku yang membabitkan beberapa individu di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Yang mendedahkan salah laku termasuk rasuah pula diambil tindakan.

"Sepatutnya beliau (Rafizi) dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (2010)," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada sidang media di sini, baru-baru ini.

Justeru, Guan Eng mempertikai wibawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, yang dipertanggungjawabkan menjaga hal ehwal integriti negara.

"Paul Low kena buat keputusan sama ada letak jawatan sebagai protes terhadap penahanan tersebut atau terus jadi Menteri dan sekali gus buktikan bahawa *Whistleblower Act* (Akta Perlindungan Pemberi Maklumat) hanya benda hiasan yang indah khabar dari rupa," ujarnya.

Difahamkan, seseorang yang didapati bersalah di bawah Seksyen 8 (1) dan (2) OSA boleh dipenjara tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi tujuh tahun.

Rafizi ditahan kerana mendedahkan dokumen Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai hubungan antara syarikat kontroversi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

# Harap Kementerian lulus lebih banyak projek jalan baru & bukannya sambungan - KM

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri akan berikan kerjasama penuh kepada Pusat seperti pengambilan tanah dan kebenaran kerja untuk menjayakan projek jalan di bawah Kementerian Kerja Raya.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataannya di sini baru-baru ini.

"Dalam jawapan bertulis kepada saya, Menteri Kerja Raya Datuk Sri Fadillah Yusof menyatakan bahawa tujuh projek bernilai RM1.96 bilion telah diluluskan untuk 2016 - 2017 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

"Akan tetapi, hanya satu daripada tujuh projek tersebut adalah projek baru iaitu projek jalan dari Jambatan Tuanku Abdul Rahman hingga Jambatan Merdeka Seberang Perai Utara (SPU) dengan kos RM340.4 juta. Enam lagi projek yang disebut adalah projek sambungan.

"Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya atas kelulusan projek ini dengan harapan lebih banyak projek jalan baru, dan bukannya sambungan, boleh diluluskan seperti:

- Membina Jejambat Jalan Tun Dr. Awang ke Relau
- Jejambat di Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah/Jalan Tengah ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang
- "*Underpass*" Jalan Mahsuri ke Kampung Jawa di Bayan Baru
- Jejambat dari Jalan Permatang Pauh ke Jalan Tun Hussein Onn, Seberang Jaya ke Toll Juru
- Jalan Pintasan Jalan Permatang Tengah ke Seberang Jaya
- Pelebaran Jalan Juru ke Jalan Tok Kanggar
- Pelebaran Jalan Kulim, Bukit Mertajam
- Menaiktaraf jalan di taman perindustrian
- Jalan dari Teluk Kumbar ke Balik Pulau
- Pelebaran Jalan dari Tanjung Tokong ke Batu Ferringhi dan Teluk Bahang
- Pelebaran Jalan Paya Terubong
- Jejambat Di Jalan Air Itam," jelasnya sambil merujuk kepada jawapan bertulis daripada kementerian berkaitan.

Jawapan bertulis YB Menteri adalah seperti berikut:

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**
**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG**
**KAWASAN : BAGAN**
**SOALAN : 186**

**YB. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]** minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan semua projek-projek jalan yang dirancangkan di Pulau Pinang pada tahun ini, termasuk lebuh raya RM300 juta di daerah Seberang Perai Utara yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri baru-baru ini.

**JAWAPAN**
**Tuan Yang Di-Pertua;**
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 7 projek dengan kos keseluruhan sebanyak hampir RM1.96 bilion telah diluluskan dalam Rolling Plan Pertama (2016-2017), RMKe-11 di bawah Kementerian Kerja Raya, iaitu seperti berikut:
Menaik Taraf Jalan Persekutuan FT006 Dari Teluk Kumbar Ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Kos Projek RM390 juta;
Membina Jalan Dari 2 Lorong ke 4 Lorong Dari Jambatan Tuanku Abdul Rahman (Sek.757) hingga Jambatan Merdeka (Sek.782) Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Kos Projek RM340.4 juta;
Naik Taraf Bayan Lepas Expressway Daripada Batu Maung Ke Jambatan Pulau Pinang. Kos Projek RM373.2 juta;
Menaik Taraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek.720) Ke Jambatan Di Atas Sungai Junjung, Simpang Ampat (Sek.740), Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Kos Projek: RM344 juta;
Membina Jejambat Menghubung Jalan Nangka – Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/ Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam. Kos Projek RM184.8 juta;
Membina 'Flyover' Merentasi Persimpangan Bulatan Batu Maung Dan Persimpangan P222/ P10. Kos Projek RM165.944 juta; dan
Menaik Taraf Jalan Negeri (P10) Daripada Batu Maung Ke Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang. Kos projek RM160 juta.
Perai Utara itu ialah merujuk kepada projek seperti bilangan no.2 di atas; iaitu Membina Jalan Dari 2 Lorong ke 4 Lorong Dari Jambatan Tuanku Abdul Rahman (Sek.757) Hingga Jambatan Merdeka (Sek.782) Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Projek ini telah diluluskan Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11 (2016-2020).

# Pembesaran LTAPP, Pusat hanya akan kemuka permohonan bawah RP2, RMK11

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri berasa kecewa bahawa Kementerian Pengangkutan hanya akan mengemukakan permohonan peruntukan untuk membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di bawah Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11).

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataan akhbarnya bertarikh 7 April lalu di sini.

Katanya, dengan itu, ia bermakna bahawa Kementerian Pengangkutan hanya akan memohon pada tahun depan untuk menaiktaraf LTAPP.

"Ini dinyatakan dalam jawapan bertulis kepada soalan saya di Parlimen oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

"Sekiranya permohonan penaiktarafan ini diluluskan pada 2017 pun, kerja pembinaan akan makan masa sekurang-kurangnya tiga tahun yang bermakna projek pembesaran paling awal boleh siap, adalah pada tahun 2021 atau 2022.

"Masa itu, jumlah penumpang yang kini mencecah 6.26 juta orang, akan jauh melebihi kapasiti sedia ada LTAPP, iaitu 6.5 juta penumpang setahun yang akan menambah kesesakan di LTAPP yang begitu kritikal," ujarnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, soalan akan ditanya mengapa pihak Kementerian tidak membuat perancangan lebih awal berhubung inisiatif berkaitan.

"Ini menunjukkan sikap tidak serius dan prihatin ke atas sebuah lapangan terbang yang merupakan antara paling memberi keuntungan kepada Kerajaan Persekutuan.

"Serentak itu, adalah diharapkan tambahan tempat letak kereta di LTAPP sebanyak 3,000 boleh dilaksanakan dalam dua fasa pada 2017 dan 2018," kata beliau.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**
**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**
**Tarikh : 4 APRIL 2016 (KHAMIS)**
**SOALAN : 26**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos operasi dan untung/rugi Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang setiap tahun dan rancangan memperbesarkannya kerana telah melebihi kapasiti 6.5 juta penumpang. Bilakah ia boleh dilaksanakan dan mengapakah rancangan tempat letak kereta berkapasiti 3,000 lot atau sebuah hotel 4 bintang tidak dilaksanakan.

**JAWAPAN**
**Tuan Yang Di-Pertua;**
**Ahli Yang Berhormat,**
Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) merupakan syarikat awam yang mengendalikan 39 lapangan terbang di seluruh Malaysia.
Dari 39 lapangan terbang, cuma sebilangan kecil sahaja yang mengalami keuntungan dan keuntungan ini digunakan untuk perkongsian subsidi (cross subsidise) keseluruhan operasi lapangan terbang termasuk STOL ports.
Prestasi dan laporan kewangan Kumpulan Syarikat MAHB didedahkan dalam bentuk gabungan seluruh lapangan terbang. MAHB tidak mengeluarkan maklumat berkaitan keuntungan (atau kerugian) bagi setiap lapangan terbang yang dikendalikannya. Ini kerana pendedahan berasingan akan memberi kesan kepada persaingan MAHB dan memberi implikasi terhadap harga saham dan sebagainya.
Pada tahun 2015, jumlah trafik penumpang yang telah dikendalikan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah sebanyak 6.26 juta penumpang berbanding kapasiti sedia ada lapangan terbang tersebut iaitu 6.5 juta penumpang setahun.
Kementerian ini mempunyai perancangan untuk menaiktaraf LTAPP supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun dan akan mengemukakan permohonan peruntukan untuk dilaksanakan di bawah Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11).
Berhubung kemudahan tambahan tempat letak kereta di LTAPP, MAHB akan membina tempat letak kereta bertingkat yang mempunyai kapasiti 3,000 lot melalui 2 fasa yang mana setiap fasa akan menyediakan 1,500 lot tempat letak kereta dan masing-masing akan siap beroperasi pada suku pertama tahun 2017 dan suku pertama tahun 2018.

# Segerakan pembenihan awan hadapi El Nino

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggesa Kerajaan Pusat melakukan pembenihan awan di sekitar utara Semenanjung Malaysia berikutan fenomena El Nino, kerana bimbang dengan keadaan terbaru paras air di Empangan Beris dekat Kedah.

Beliau berkata demikian ketika mengulas satu laporan berita yang disiarkan akhbar berbahasa Cina bertarikh 14 April lalu.

*"(Sumber air di) Empangan Beris (dekat) Sungai Muda, saya difahamkan boleh bertahan satu bulan mulai hari ini (14 April), (sumber air empangan) di Pulau Pinang boleh bertahan dua bulan.*

*"Ini akan menjejaskan bukan sahaja seluruh negeri Kedah dan Perlis, tetapi tentu juga Pulau Pinang.*

*"Sungguhpun empangan kita boleh bertahan selama dua bulan, tetapi tanpa air dari sumber Sungai Muda, Pulau Pinang pun akan turut terjejas.*

*"Ini menunjukkan betapa seriusnya El Nino, dan saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin meminta Kerajaan Pusat menjalankan pembenihan awan secara besar-besaran kerana sekarang kita (utara Semenanjung Malaysia) masih ada awan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.*

*Menurut beliau, pembenihan awan akan memberi manfaat kepada kira-kira 4 juta rakyat di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.*



**KAKITANGAN Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menunjukkan tanaman padi dan keadaan sawah di Pinang Tunggal, SPU baru-baru ini.**

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memaklumkan, sehingga 14 April lalu, kapasiti efektif air di Empangan Beris adalah 38.3 peratus.

"Lebih 80 peratus daripada air mentah Pulau Pinang diperoleh dari sungai ini setiap hari.

"Berdasarkan kapasiti efektif semasa, air di Empangan Beris hanya mencukupi untuk tempoh 37 hari sahaja," jelas Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir Jaseni Maidinsa dalam sidang media berasingan pada 15 April lalu.

Terdahulu, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin turut menggesa Kerajaan Pusat supaya mengambil sikap proaktif, pelaksanaan pembenihan awan tersebut membabitkan Pihak Berkuasa Negeri di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Jawatankuasa Pengairan Negeri membabitkan beberapa agensi kerajaan di Rumah Pam Air Pinang Tunggal di sini baru-baru ini.

Pada perkembangan sama, Afif memberitahu, sehingga kini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membekalkan air ke 1,546 hektar daripada keseluruhan 8,500 hektar petak sawah padi di Seberang Perai Utara (SPU), sungguhpun di sini dikenali sebagai 'daerah kritikal' sebelum ini.

Mengulas lanjut, kata beliau, bekalan air ke kawasan sawah di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) adalah mencukupi, dari sumber Sungai Kerian, Perak.

"Pun begitu, masih ada beberapa kawasan di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) tidak menerima bekalan air, dan keadaan di sana bergantung pada paras air Sungai Kulim.

"Di Daerah Barat Daya pula, hampir 50 peratus kawasan sawah telahpun dibekalkan air dan tinggal tiga plot sawah masih belum dibekalkan air, kerana hanya bergantung pada sumber air hujan dan Sungai Titi Teras dekat Balik Pulau," jelasnya.



NG See See sambil ditemani anak-anaknya menunjukkan gambar mendiang suaminya.

# KM ziarah keluarga mangsa ke-10 meninggal dunia akibat denggi

**MACHANG BUBUK –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini melawat mangsa kematian akibat denggi yang ke-10 di negeri ini, sejak bulan Januari lepas.

Katanya kepada pemberita selepas mengunjungi kediaman keluarga mendiang Lim Hye Huat, 48, di Taman Sri Kijang dekat Alma di sini.

"Jika air bersih bertakung walau satu sudu pun, nyamuk Aedes boleh membiak.

"Tiga hari demam, beliau (Hye Huat) sudah meninggal dunia, itu tempoh yang paling pendek sekali," katanya di sini.

Justeru, Guan Eng mengulangi gesaan supaya rakyat segera mendapatkan rawatan doktor apabila demam, serta membersihkan kawasan kediaman masing-masing demi mencegah pembiakan Aedes.

Beliau turut menyampaikan sejumlah sumbangan kepada balu mendiang, Ng See See, 48, sambil diiringi 3 anak.

ADUN Bagan Lalang merangkap Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng, Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk) dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) turut sertai majlis tersebut.

Sebanyak 10 kes kematian akibat denggi direkodkan sehingga 10 Mac tahun ini, berbanding 19 kes kematian sepanjang 2015.

# Dakwaan kolam ternak udang hasil sisa buangan beracun tidak berasas - Exco

**GEORGE TOWN –** Dakwaan dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai projek ternakan udang dalam kolam di Balik Pulau menghasilkan sisa buangan beracun hingga menjejaskan alam sekitar dan hasil tangkapan laut adalah tidak berasas.

"Ini (myGAP) adalah pengiktirafan tertinggi (dalam bidang pertanian) dalam negara, yang mana mereka akan melihat segala aspek daripada penyediaan produk sehinggalah aspek bagaimana cara merawat sisa-sisa daripada industri itu.

"Saya tidak faham bagaimana air sama yang digunakan untuk ternak udang itu boleh dianggapkan ada sisa buangan beracun sedangkan ia menghasilkan sumber makanan (iaitu) udang.

"Dakwaan yang dikemukakan oleh Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bahawasanya ternakan udang ini melepaskan sisa buangan beracun adalah tidak berasas,"respons Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr Afif Bahardin pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, Afif menjelaskan mengenai isu penebangan hutan paya bakau untuk projek penternakan udang tersebut.

Menurutnya, penebangan di atas sebahagian tanah Lot 802 Mukim C di Balik Pulau oleh *Global Goodway* mendapat kelulusan permohonan kebenaran merancang pada 9 September 2014.

Tambah beliau, syarikat tersebut turut mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), iaitu tidak kurang 200 meter zon penampan dari persisiran pantai.

Pun begitu, jelas Afif, MBPP akan bertindak ke atas projek ternak udang yang beroperasi tanpa kebenaran, di sebahagian tanah Lot 802 dan Lot 858 di sini.

"Pejabat Daerah & Tanah (Daerah) Barat Daya juga telah memaklumkan bahawa projek kolam udang di atas (tanah) Lot 802, Mukim C, Daerah Barat Daya itu merupakan tanah milik persendirian oleh tetuan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan kategori pertanian serta syarat nyata tanah adalah akuakultur," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Tegas beliau, notis pemberhentian operasi selama 30 hari akan dikeluarkan kepada pihak terbabit, serta kompaun maksimum RM5,000 sehari sekiranya mengingkari perintah pihak berkuasa tempatan (PBT).

Difahamkan, langkah penguatkuasaan itu adalah berdasarkan Seksyen 27(2)(A) Akta Perancangan Bandar & Desa 1976.

CAP dan SAM pada 26 Mac lalu dilaporkan menggesa projek ternakan udang tersebut dihentikan kerana didakwa menghasilkan sisa buangan beracun ke sungai hingga menjejaskan hasil tangkapan lebih 1,000 nelayan pantai setempat.

Pegawai Luar Bandar CAP, Zulkifli Yusuf dilaporkan berkata, masalah yang berlarutan lebih 10 tahun semakin serius apabila pengusaha terbabit meluaskan kawasan ternak udang hingga memusnahkan sebahagian besar kawasan paya bakau.

# 87.2% responden sokong projek *Gurney Wharf*

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Sejumlah 87.2 peratus atau 730 responden daripada keseluruhan 837 maklum balas yang diterima sepanjang dua minggu pameran dan publisiti awam diadakan, menyokong pemajuan projek ikonik persiaran pantai, *Gurney Wharf*.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu, secara khususnya, daripada 837 maklum balas yang diterima, 832 maklum balas diterima secara individu manakala lima maklum balas lain diterima dari badan bukan kerajaan dan syarikat swasta seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Perbadanan Pengurusan Bella Vista, Perbadanan Pengurusan Regency, *Penang Institute* serta Photosyn Sdn. Bhd..

"Manakala daripada 832 responden, 399 responden adalah anak jati kelahiran Pulau Pinang.

"Secara ringkasnya, majoriti responden menyokong projek *Gurney Wharf* dan hanya 5.7 peratus sahaja tidak bersetuju atau 48 responden," katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan ke tapak pemajuan Gurney Wharf di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, terdapat beberapa isu yang diketengahkan oleh responden perlu dilihat secara mendalam.

"Antaranya, pengurusan trafik bagi keseluruhan kawasan pemajuan Gurney Wharf termasuk cadangan pembinaan lebuh raya dan terowong dasar laut.

"Malah, ada juga yang begitu prihatin terhadap penjagaan dan penyelenggaraan taman-taman awam yang bakal dibangunkan kelak.

"Semua cadangan ini akan diteliti dan Kerajaan Negeri akan memastikan projek Gurney Wharf memberi manfaat dan menambah baik kawasan Persiaran Gurney kini," ujarnya yang turut berterima kasih kepada semua pihak yang memberi maklum balas.

Dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2020, projek *Gurney Wharf* merangkumi empat kawasan 'berperwatakan' iaitu medan makan dan minuman persisir pantai, taman air diinspirasikan dari *Gardens by the Bay* (Singapura), persisir pantai sejauh 1.5 kilometer dan kawasan teduhan yang dilengkapi dengan pokok teduhan dan kawasan riadah.



**SALAH satu sisi *Gurney Wharf* mengikut ilustrasi artis.**

Terkini, pemasangan pagar anti-panjat telah siap hampir 40 peratus dan kerja-kerja pemasangan tirai kelodak pula kini mencecah 65 peratus daripada keseluruhan 6,600 meter.

Kerja-kerja pengorekan dan penambakan hanya akan bermula setelah pemasangan tirai kelodak siap kelak, iaitu awal Mei 2016.

Berikut adalah butiran maklum balas yang diterima:

| BIL | Kategori Maklum Balas | Jumlah Respond | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | Bersetuju | 374 | 44.7 |
| 2 | Bersetuju & beri cadangan | 356 | 42.5 |
| 3 | Pertanyaan | 59 | 7.1 |
| 4 | Tidak bersetuju | 48 | 5.7 |
| 837 | | 100 | |

## Batal larangan pembangkang masuk Sarawak sempena PRN - Guan Eng

**GEORGE TOWN –** Pemangku Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem digesa menarik balik perintah larangan masuk ke Sarawak sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak kini, yang membabitkan beberapa wakil rakyat serta pemimpin pembangkang

Ketegasan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng itu turut dinyatakan dalam surat kepada Adenan, 12 April lalu.

"Janganlah berdalih kononnya (larangan ini demi) melindungi negeri (Sarawak) daripada elemen-elemen tidak baik, dan pembangkang boleh masuk selepas pilihan raya negeri Sarawak ke-11 berakhir.

"Kita menyokong bahawa Sarawak mempunyai kuasa untuk melindungi kepentingannya sebagai sebahagian Malaysia, tetapi kita tidak bersetuju dengan penyalahgunaan kuasa seperti ini," katanya pada sidang media di sini 15 April lalu.

Sehari sebelum itu, Guan Eng menggesa Adenan serta Pengarah Imigresen Negeri Sarawak menarik semula perintah larangan tersebut atas hujah mereka yang terbabit adalah wakil rakyat serta bukan suspek penjenayah.

"Tujuan Teo Nie Ching (Ahli Parlimen Kulai) dan Ooi Leng Hang (pencipta maskot Ubah) untuk masuk ke Sarawak hanyalah untuk melibatkan diri secara sah di dalam aktiviti politik bersempena Pilihanraya Negeri Sarawak.

"Saya merujuk Seksyen 67 Akta Imigresen yang menyatakan bahawa: 67. Subseksyen 66 (1) hendaklah tidak berkuatkuasa dalam hubungan dengan seseorang warganegara yang memasuki Negeri Malaysia Timur hanya untuk menceburkan diri dalam aktiviti politik yang sah; tetapi beban membuktikan bahawa seseorang itu berhak memasuki Negeri Malaysia Timur di bawah seksyen ini terletak ke atasnya.

"Seksyen 66 (1) tidak seharusnya memberi sebarang kesan terhadap mereka dan mereka harus dibenarkan untuk masuk ke Sarawak sebagai satu hak," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut mengecam larangan sama ke atas dua Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dihalang masuk ke Sarawak pada 10 April.

Manakala, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin pula ditahan oleh pihak Jabatan Imigresen Sarawak ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 13 April lalu.

Setakat ini, sekurang-kurangnya 37 ahli parlimen pembangkang, aktivis dan ahli akademik telah dilarang ke bumi kenyalang itu.

Antaranya, Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, Rafizi Ramli (Ahli Parlimen Pandan) dan Mohamad Sabu (Presiden Parti Amanah Negara), Clare-Rewcastle Brown (Editor portal berita atas talian *Sarawak Report*) juga berada dalam senarai itu.

## *Tweet* palsu, Pegawai KM buat laporan polis

**GEORGE TOWN –** Pegawai Khas kepada Ketua Menteri membuat laporan polis di Balai Polis Jalan Patani, Daerah Timur Laut mengenai kicauan *twitter* palsu menggunakan nama pemimpin berkaitan yang kononnya mengusir pendakwah terkenal, Dr. Zakir Naik dari tanah air

Pegawai berkaitan, Mejar (B) Zaidi Ahmad memberitahu pemberita selepas membuat aduan polis berwajib di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Koordinator AES (Agenda Ekonomi Saksama) dan Tugas-tugas Khas kepada Ketua Menteri, Abdul Wahab Long.

Zaidi dalam kenyataannya menggesa pihak polis supaya menyiasat dalang di sebalik angkara fitnah tersebut.

"Di sini saya ingin tekankan, Ketua Menteri, Y.A.B, Tuan Lim Guan Eng amat mementingkan perpaduan kaum di negeri ini.

"Perkara yang disebar ini sememangnya tidak benar dan saya yakin rakyat mampu menilai hal tersebut," katanya.

Kicauan *twitter* palsu atas nama @ cmlimguaneng itu tertera, "*Zakir Naik mesti disekat. Saya akan pastikan dia tidak masuk Pulau Pinang. Rakyat mesti tolak dan halau Extremist agama macam dia!*"




**MEJAR (B) Zaidi Ahmad menunjukkan contoh *tweet* palsu yang disebarkan baru-baru ini sebelum membuat laporan polis di Balai Polis Jalan Patani, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut di sini.**

Sebaran fitnah tersebut menurut Zaidi mula dikesan pada 11 April, jam 5:52 petang.

Sehubungan itu, Guan Eng melalui *Tweet*nya menyifatkan perkara tersebut sebagai fitnah oleh pihak musuh.

Tweet beliau berbunyi, '*FITNAH! Ini tweet palsu oleh musuh yg gunakan taktik pengganas. Laporan polis akan dibuat oleh pegawai saya pagi ini.*

# Jejambat BLE dibuka

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



(Dari kanan, hadapan), ISMADE Ismail, Lim Hock Seng, Abdul Malik Abul Kassim dan Salleh Awang ketika meninjau kerja-kerja akhir dalam menyiapkan Jejambat BLE di sini baru-baru ini.

**BATU MAUNG –** Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR) memaklumkan bahawa Jejambat Lebuhraya Bayan Lepas (BLE) sepanjang 3.2 kilometer yang menyambungkan Batu Maung ke Bayan Baru dibuka mulai 6 April 2016.

"Walaupun menerima banyak kritikan dan halangan, namun akhirnya jejambat ini berjaya disiapkan," katanya selepas membuat tinjauan akhir di tapak pemajuan di sini baru-baru ini.

Bercakap kepada pemberita, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal berkenaan merakamkan penghargaan kepada JKR serta pemaju, UEM Builders Berhad (UEM) kerana menyiapkan projek itu.

Beliau turut memuji Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kerana pantas menubuhkan Jawatankuasa Pemantau Keselamatan (badan bebas) yang diketuai Dato' Dr. Gue See Siew untuk memastikan kerja-kerja di tapak pemajuan selamat, tidak menjejaskan trafik kenderaan serta siap mengikut jadual.

Pada sidang media sama, ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berharap jejambat baharu itu dapat mengurangkan kesesakan trafik, khususnya pada waktu puncak.

"Kita akan dapat lihat hasil dan kualiti kerja selepas projek ini dibuka sepenuhnya," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Sebelum itu, Pengarah Projek dari UEM, Ismade Ismail memberitahu, kerja-kerja di tapak pemajuan dalam tempoh 3.2 juta jam tersebut mencatatkan sifar kemalangan.

"Projek bernilai RM337 juta yang memakan masa lebih kurang dua tahun ini merangkumi 4.4 kilometer (km) bahagian bawah yang dinaiktaraf serta Jejambat BLE sepanjang 3.2km," ujarnya.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Ir. Salleh Awang dan Timbalan Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A.Rajendran.

Difahamkan, projek pembinaan Jejambat BLE dan penarafan sebahagian Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu bermula pada 1 April 2014.

Lorong basikal serta tiga jambatan basikal dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh Mei hingga Jun ini.

# Seinci hutan simpan kekal tak kurang, tanam pokok 271,000 - KM

**MACHANG BUBUK –** Tidak seincipun hutan simpan kekal 'berkurangan' sejak tahun 2008, malah sehingga kini, sebanyak 271,000 pokok ditanam di Pulau Pinang.

| 10678 | KHOO CHUNG FONG - 88061935****<br>55 LENGKOK KAPAL<br>12100 BUTTERWORTH | KHOO AI LEE - 61062402****<br>NO. 538 JALAN SELASIH 5,<br>TAMAN SELASIH, 09000 KULIM, KEDAH | KHOO SOO SING - 74081402****<br>18 JALAN MARKET,<br>09800 SERDANG, KEDAH |
| 10680 | NG INN POOL - 88111935****<br>NO.24 LORONG NANGKA 7, TAMAN DESA<br>DAMAI 14000 BUKIT MERTAJAM | NG INN HOOI - 80010307****<br>24 LORONG NANGKA 7 , TAMAN DESA DAMAI<br>14000 BUKIT MERTAJAM | CHAN HUAN LEONG - 79070107****<br>17 LORONG BUKIT KECIL 6 , TAMAN BUKIT<br>KECIL 14000 BUKIT MERTAJAM |
| 10681 | WONG CHUN YEOW - 84011207****<br>3-9-7 HILIR PAYA TERUBONG 2,<br>RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | CH NG TEONG SENG - 79042107****<br>1-6-3 LORONG BIDOR, TAMAN SUTERAMAS<br>11600 JELUTONG, PENANG | WONG LAI MEI - 85020907****<br>3-9-7 HILIR PAYA TERUBONG 2,<br>11900 RELAU, PULAU PINANG |
| 10682 | NUR HIDAYAH AL-AIN BINTI ABD RAHMAN - 86121935****<br>23 JALAN BAGAN 15 , TAMAN BAGAN<br>13400 BUTTERWORTH | RADZIAH BINTI AHMAD - 56062408****<br>23 JALAN BAGAN 15, TAMAN BAGAN,<br>13400 BUTTERWORTH | ZAINUDDIN BIN ISMAIL - 56041202****<br>NO.3883 PERMATANG ARA,<br>13500 PERMATANG PAUH |
| 10683 | KHOO CHUNG LING - 85042807****<br>55 LENGKOK KAPAL<br>12100 BUTTERWORTH | NG KOK LEONG - 62041407****<br>TS 9678 MK 9, JALAN SUNGAI PUYU<br>13020 BUTTERWORTH | TENG ZEE WEI - 85102507****<br>3-07 BLOK B, LORONG BAGAN LALLANG 14,<br>TAMAN BAGAN LALLANG<br>13400 BUTTERWORTH |
| 10686 | KOH CHEE YONG - 87091707****<br>1-G-9 TINGKAT NIPAH, TAMAN LIP SIN<br>11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | YEOH CHWEE HOON - 59110707****<br>BLOK 1-G-9 TMN JUBILEE, TINGKAT NIPAH,<br>SG. NIBONG, 11900 BAYAN LEPAS,<br>PULAU PINANG | YEOH CHOOI EAN - 71113007****<br>BLOK 5-7-14 , LINTANG PAYA TERUBONG 3,<br>11060 AYER ITAM, PULAU PINANG |

Baymont Residence
PENANG'S PRIME SUBURB LIVING



Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

**Rumah Sesebuah 3-Tingkat**

**Harga Jualan:**
RM2,372,550.00 (min)
RM3,505,950.00 (mak)

**Keluasan Tanah:**
3972 kaki persegi ke atas.

**Keluasan Binaan:**
4457 kaki persegi




WHHLAND 永豐行置地

Pemaju:
**Relevant City Sdn. Bhd.** (736323-P)
Main Off: Lot 1361, MK 15, Jalan Rozhan, Alma, 14000 Bukit Mertajam, S.P.T. Pulau Pinang. Tel: 604- 5511133 Fax: 604-5523533
Penang off: No.5, Logan Road, 10400 Penang.
Tel: 604- 2273533 Fax: 604- 2270533

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
***Bahagian Perumahan,***
***Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri***
***Paras 20, KOMTAR , 10503 Pulau Pinang***
*Tel: **04-6505 242/6505 244** • Fax: **04-2622 904***

*No Lesen Pemaju Perumahan : 12401-1/08-2016/01916(L)*
*Tempoh Sah Lesen : 22/08/2015 – 21/08/2016*
*No Permit Iklan dan Jualan : 12401-1/08-2016/01916(P)*
*Tempoh Sah Permit : 22/08/2015 – 21/08/2016*
*Kelulusan Pihak Berkuasa : Majlis Perbandaran Pulau Pinang*
*No kelulusan pelan bangunan : MPPP/OSC/PB(3884)/11(LB)*
*Tarikh Jangka Siap : Julai 2016 • Pegangan tanah : Bebas*
*Bebanan (gadaian) tanah : Dicagar kepada Public Bank Berhad*
*Jumlah unit rumah : 46 unit (Fasa 1)*


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10689
Peminjam : FAIZAL BIN ZAINUL - 78061007****
B2-T09-U02 , PRESINT 9 FASA 7,
62250 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : ZAFIDAH BINTI ZAINUL - 79071707****
15 HILIR SUNGAI PINANG,
11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD AZRI BIN KASSIM - 83122008****
55 F1-13-02 PANGSAPURI KESIHATAN FASA 3,
JALAN UTAMA 10450 PULAU PINANG

No Akaun : 10692
Peminjam : NURSYAZANA BINTI BAHARI - 85051507****
NO.8 LORONG LAKSAMANA 5,
TAMAN TELOK MOLEK 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : NORAZILA BINTI BAHARI - 74040907****
8 LORONG LAKSAMANA 5,
TAMAN TELOK MOLEK, TELOK AIR TAWAR
13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MISRAJAH BINTI ISMAIL - 66012907****
14 JALAN BERTAM INDAH 2,
TAMAN BERTAM INDAH
13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10695
Peminjam : NG SHIH CHYI - 86101307****
39 LORONG SERI MURNI 14,
TAMAN SERI MURNI, SUNGAI DUA
13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : H NG YAW KEOW - 63050307****
6598 E BLOK C, TAMAN MAK MANDIN
13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NG JIA CHUN - 84090407****
1690 JALAN VICTORIA,
14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 10701
Peminjam : JULIA BINTI MAT HADIAH - 86032233****
MA-4-13 PANGSAPURI DELIMA INTAN,
JLN DELIMA 1, TMN SERI DELIMA
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : FIRDAUS BIN MAT HADIAH - 84072408****
BLOK A-13-06 JALAN SUNGAI
10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NURUL AZMIN BIN AHMAD - 77043002****
7 JALAN KEMBOJASARI 5 ,
BANDAR SUNGAI BUAYA
48010 RAWANG, SELANGOR

No Akaun : 10708
Peminjam : FADZILAH BT OTHMAN - 68060207****
19 LORONG BENTARA 4, BANDAR BERTAM
PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : FAZLIYATON BINTI AHMAD SUHAIMI -
73052707****
G03 PANGSAPURI SRI MOLEK,
JALAN LAKSAMANA, TELUK AIR TAWAR
13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NOOR LAILY BINTI MD TAHIR - 82053101****
28 LORONG SHAHBANDAR 8 ,
BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10714
Peminjam : NURUL SHAZMIRA BINTI ABDUL RAHMAN -
86011638****
LOT 5008 LALUAN 3, KAMPUNG TERSUSUN
SENTANG 31000 BATU GAJAH, PERAK
Penjamin 1 : MUHAMAD HARMY BIN BAHARUDIN -
RF138***
CAWANGAN JSJ, IPK PULAU PINANG,
JALAN PENANG 10760 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORDIN BIN AMIR (L/Kpl 148127) - RF148***
BP TAMBISAN, IPD LAHAD DATU,
PETI SURAT 60133, 91111 LAHAD DATU, SABAH

No Akaun : 10716
Peminjam : HURUL AIN NATASHA BINTI MOKHTAR -
83031007****
B-8-12A SURI PUTERI APARTMENT, JLN SINGA,
20/F, SEKSYEN 20, 40300 SHAH ALAM,
SELANGOR
Penjamin 1 : JAMALIA BINTI ABDULLAH - 59050102****
S.M.K. BANDAR BARU PERDA,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NORDIN BIN ABDULLAH - 64060902****
29 LORONG ALMA JAYA 24, TAMAN ALMA
JAYA 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 10717
Peminjam : NUR ZULAIKHA BINTI OTHMAN -
88080507****
NO. 23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI
10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : OTHMAN BIN MOHD YUSUF - RF99***
23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI
10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAHANI BINTI HAJI SAMSUDIN - 52032507****
NO. 7 JALAN PISANG RASTALLI, KAMPUNG
MELAYU, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 10718
Peminjam : MUHAMAD FITHRI BIN OTHMAN -
87052507****
23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI
10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : WAN ROSLINA BINTI WAN RAMLI -
81060407****
NO. 65 LORONG 16/SS3, BANDAR TASEK
MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : ROHANI BINTI PAKWANCHEE - 74052007****
87 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG
10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 10720
Peminjam : IMAADUDDIN BIN ABDUL HALIM -
86012007****
NO.1589 KAMPUNG BANGGOL
13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : NORAINI BINTI AHMAD - 61021107****
1589 KAMPUNG BANGGOL 13220
KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : ABDUL HALIM BIN ABDUL HAMID -
55102807****
1589 KAMPUNG BANGGOL 13220
KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 10730
Peminjam : LIM HOOI MEI - 86082435****
NO.7 LORONG RUSA 6,
TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LIM HOOI LING - 81100707****
7 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TEOH KAH KHIANG - 81061102****
NO. 7 LORONG BUKIT KECIL INDAH 2,
TAMAN BUKIT KECIL INDAH
14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 10734
Peminjam : AZRAWATI BINTI ARSHAD - 78031507****
NO. 45, JALAN SAMUDERA 10/5, SEKSYEN 10,
LAGUNA PARK 42920 PULAU INDAH,
SELANGOR
Penjamin 1 : NURUL DIYANA BINTI ABD RAZAK -
81072701****
NO. 57 JALAN KJ 39, TAMAN KRUBONG JAYA,
75260 MELAKA
Penjamin 2 : DZULIKHWAN BIN AHMAD MOKHTAR -
74092910****
59 JALAN 43, PORT GARDEN
42000 PELABUHAN KLANG , SELANGOR

No Akaun : 10615
Peminjam : AHMAD KABEER BIN ALI AKPER -
84052407****
BLK D-G-10 LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, SG. DUA
11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMID SHARIFF BIN MOHAMED HANIFA - RF/75***
CAWANGAN LATIHAN, IPK PULAU PINANG, JALAN PENANG 10760 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD YASIN BIN ALI AKPER - 74110207****
BLOK D-G-10 LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, SG. DUA
11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10735
Peminjam : NORSIAH BINTI MOHAMED - 65030107****
BLOK AKF 13-1 PERUMAHAN KASTAM, BUKIT GELUGOR,
GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD HASSAN BIN MD ISA - 65062202****
755 JALAN KOBIS 3, TAMAN KOBIS 3, LUNAS, 09600 KEDAH
Penjamin 2 : SHOFI BIN MOHAMAD - 57092807****
3491 LORONG SELASIH 2F 4 , TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH



PARA kakitangan Bosch ber*wefie* dengan Ketua Menteri pada Majlis Perasmian Pembukaan Bahagian Bangunan Baharu Bosch di FTZ baru-baru ini.

# Bosch labur RM66 juta lagi di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAYAN LEPAS** – Syarikat dari Jerman, *Bosch Car Multimedia Penang* (Bosch) melabur lagi RM66 juta di Pulau Pinang, sungguhpun persekitaran ekonomi tanah air belakangan ini dalam keadaaan tidak menentu.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap negeri ini terus menjadi destinasi pelaburan pilihan terbaik di rantau ini.

"Syarikat (Bosch) telah menyumbang dengan ketara kepada Kerajaan Negeri.

"(Pelaburan terbaru) RM66 juta mendorong agar Pulau Pinang boleh terus menjadi destinasi pelaburan pilihan, walaupun iklim ekonomi semasa adalah tidak menentu," katanya pada Majlis Perasmian Pembukaan Bahagian Bangunan Baharu Bosch di Zon Perindustrian Bebas (FTZ) di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Herbert Weiler (Konsul Kehormat Jerman ke Pulau Pinang), Datuk Lee Kah Choon (Penasihat Khas kepada Ketua Menteri) dan Loo Lee Lian (Pengurus Besar investPenang) turut sertai majlis itu.

Hadir sama, beberapa pemimpin utama firma pembuatan peranti kereta Bosch, antaranya Dr. Li Song (Pengarah Urusan Komersial), Johan Karlsson (Pengarah Urusan), Dr. Martin Griebel (Ketua Pembangunan Produk dan Kejuruteraan), Liew Wei Min (Ketua Operasi Pengilangan SMT).

Tambah Guan Eng, pelaburan terbaru Bosch itu sekaligus diharap memulihara serta meremajakan lagi FTZ Bayan Lepas.

*Selain itu, beliau memberitahu, Pulau Pinang berjaya mencipta rekod tersendiri, iaitu dalam tempoh lapan tahun antara 2008 hingga 2015 mencatatkan pelaburan sebanyak RM55 bilion, dengan peningkatan 90 peratus berbanding RM29 bilion dalam tempoh lapan tahun sebelum itu (2000 hingga 2007).*

Sebelum itu, Li Song menyatakan bahawa pelaburan terbaru Bosch meluaskan kawasan kilang adalah bagi menghasilkan peranti info pandang dengar dan navigasi automotif bersepadu untuk pasaran Asia Tenggara.

"Kilang Car Multimedia di Pulau Pinang telah dipilih sebagai salah satu pusat pembangunan global Bosch berdasarkan beberapa faktor, termasuk dari segi mempunyai jurutera tempatan yang mencukupi dan berkelayakan, selain lokasi strategik untuk membekalkan dan mengeksport produk kami ke seluruh dunia," jelasnya.

Ujar beliau, sejak 2015, Bosch mempunyai 150 jurutera dan meningkat pada bilangan 220 orang pada tahun ini.

Difahamkan, hampir 90 tahun lalu sejak 1923, Robert Bosch Sdn. Bhd. (Bosch Malaysia) membuka kilang di Selangor dan Johor, manakala bertapak di Pulau Pinang sejak 40 tahun lalu.

Bosch Malaysia pada tahun 2014 direkodkan menyumbang jualan sebanyak RM552 juta.

## SEMICON 2016, 26 - 28 April

**PANTAI JEREJAK** – Pameran semikonduktor terbesar Asia Tenggara tahun kedua, *SEMICON Southeast Asia 2016* (SEMICON) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang (SPICE) dekat Bayan Baru pada 26 hingga 28 April ini dijangka menerima 7,500 perwakilan serta pengunjung.

Pengarah investPenang, Datuk Lee Kah Choon berkata, Kerajaan Negeri berharap kerjasama erat semua pihak dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), termasuk 1,900 syarikat yang menganggotai gabungan persidangan tahunan tersebut dapat terus disemarakkan di negeri ini.

"Tahun lepas, sektor E&E Pulau Pinang menyumbang 65 peratus daripada (keseluruhan) jumlah pelaburan negeri. (Pelaburan E&E Pulau Pinang) ini adalah (menyamai) lebih 50 peratus daripada jumlah pelaburan sektor (E&E) di Malaysia, dalam tempoh sama (kini).

"Memetik laporan statistik yang dikeluarkan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan dalam sektor E&E negara pada tahun 2014 adalah berjumlah 43.6 peratus.

"Eksport E&E negara pada tahun sama adalah berjumlah RM256.1 bilion, iaitu menyumbang kira-kira RM43.6 peratus daripada jumlah eksport pengilangan di tanah air ini.

"Walaupun kelembapan jualan semikonduktor (di peringkat) global, eksport produk semikonduktor Malaysia kekal memberangsangkan, kerana memberi tumpuan pada bidang berkaitan (Internet Untuk Segala-galanya) *Internet of Things* (IoT) serta tukaran mata wang asing yang menguntungkan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Penasihat Khas Kepada Ketua Menteri itu lagi, persidangan kali ini akan membabitkan pameran lebih besar berbanding tahun lalu, dengan partisipasi beberapa firma semikonduktor dari Vietnam, Thailand, Filipina, Indonesia dan negara jiran Singapura.

Kali pertama persidangan tersebut diadakan adalah pada 23 dan 24 April 2015 dengan menerima lebih 7,000 perwakilan serta pengunjung.



# Asing sisa di punca jangka kurang belanja PBT



CHOW Kon Yeow (dua dari kanan) dan Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kiri) menunjukkan botol-botol terpakai selepas Majlis Pelancaran Pengumpulan Botor Kaca Untuk Dikitar Semula di Pusat Kitar Semula Jalan Mohd. Saad di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

- Difahamkan, tiap-tiap hari, kira-kira 1,800 tan sisa dari seluruh negeri ini dilupuskan di Pusat Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung.
- Ikut kadar pecahan, 1,100 tan sisa pepejal daripada MPSP, manakala baki 700 tan lagi dikumpulkan oleh MBPP.

**BAGAN JERMAL** – Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mulai 1 Jun depan dijangka mampu mengurangkan belanja berwajib bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, sehingga kini, kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan telahpun membelanjakan kira-kira RM199.3 juta atau 40 peratus peruntukan tahunan 2016 bagi mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan masing-masing.

"Paling penting adalah usaha ini berjaya agar kos RM199.3 juta ini dapat dikurangkan.

"Amalan mengasingkan antara sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan, seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita," jelasnya pada Majlis Pelancaran Pengumpulan Botol Kaca Untuk Dikitar Semula di Pusat Kitar Semula Jalan Mohd. Saad dekat Butterworth, 28 Mac lalu.

Sebelum itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif turut memuji inisiatif *Buddhist Tzu Chi Merits Society, Malaysia* kerana gigih melaksanakan pelbagai program kitar semula di sini, sejak ditubuhkan pada tahun 2004 lagi.

"Orang ramai menghantar barang kitar semula sendiri ke pusat ini dan lebih 20 tan barang kitar semula dikumpulkan pada setiap bulan," jelasnya.

Difahamkan, tiap-tiap hari kira-kira 1,800 tan sisa dari seluruh negeri ini dilupuskan di Pusat Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung.

Ikut kadar pecahan, 1,100 tan sisa pepejal daripada MPSP, manakala baki 700 tan lagi dikumpulkan oleh MBPP.




# Rawat Sg. Derhaka, harap jadi lokasi berkelah kelak - YDP

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama syarikat South Island Garment Sdn. Bhd. mengambil inisiatif khas merawat kualiti air di Sungai Derhaka, Seberang Jaya menerusi rawatan *em mud ball* baru-baru ini.

Program rawatan kali kedua yang dijalankan menerusi pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat terbabit adalah bagi mencapai matlamat supaya suatu hari nanti Sungai Derhaka dapat dikenali sebagai sungai 'dihargai' dan umum dapat berkelah di sini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, menerusi inisiatif tersebut, setiap bulan lebih daripada seribu biji *em mud ball* akan dilontar ke dalam sungai berkenaan.

"Hasil pemerhatian, usaha yang dijalankan ini menunjukkan perubahan kepada kualiti sungai dengan pengurangan bau busuk akibat pencemaran,'' katanya sambil menyatakan bahawa 'lontaran' pertama dijalankan pada 19 Disember tahun lalu.

Beliau berkata demikian pada Program Merawat Kualiti Air Sungai Derhaka di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP), Tan Poay Seng (Pengarah Urusan South Island Garment) dan beberapa Ahli Majlis MPSP.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, sehingga kini terdapat 49 perniagaan yang telah dilesenkan di bawah lesen perindustrian bagi kawasan Seberang Jaya.

"Dengan adanya lesen ini, kawalan pembuangan air sisa dapat dipantau kerana setiap premis perlu mematuhi garis panduan ditetapkan MPSP,'' jelas beliau.

# Jual produk kreatif dari rumah di *Handmade Market*



PARA pelajar teruja melihat produk-produk yang dipamerkan pada Majlis Pelancaran Handmade Market Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh :**NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**GEORGE TOW –** Empat kali dalam tempoh setahun, Pusat Latihan Kraftangan Apple (Apple) dengan kerjasama Persatuan Seni Jahitan Kreatif (PSJK) membuka gerai pameran di pasar raya terpilih di negeri ini bagi menerima serta memasarkan produk kraftangan yang dihasilkan dari rumah.

Justeru, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng berharap kesempatan itu direbut suri rumah, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) untuk menghasilkan produk kreatif demi menjana pendapatan masing-masing.

“Wanita, khususnya suri rumah, ibu tunggal serta OKU sendiri seharusnya berdikari menjana pendapatan sendiri.

“Wanita perlu lebih kreatif, bukan sahaja dalam menghasilkan produk kraftangan, malah termasuk cara memasarkan produk mereka, dengan tidak seharusnya bergantung kepada cara konvensional sahaja,” katanya yang juga ADUN Padang Lalang di hadapan kira-kira 150 peserta Majlis Pelancaran Handmade Market Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim serta Pengasas Apple, Fully Chye turut menyertai majlis tersebut.

Chong Eng dalam pada itu turut memuji inisiatif Apple dan PSJK atas insiatif menganjurkan majlis berkaitan.

“Di sana *(Handmade Market)*, peserta boleh menjual produk mereka.

“Dalam tempoh itulah peserta boleh menguruskan tempahan dan menghasilkan produk masing-masing di rumah tanpa perlu mengabaikan tanggungjawab sebagai suri rumah,” jelasnya yang juga Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Beg, *keychain*, pakaian bayi, cadar bercorakan seni tampal dan ‘bantal berkarektor’ antara produk seni jahitan kreatif yang dihasilkan serta boleh didapati di pasar kraftangan berkaitan.

## Larian Menara Komtar 2016, rebut tunai RM 17,500

**GEORGE TOWN –** Larian Menara Komtar 2016 yang bakal berlangsung pada 5 Jun ini mensasar 1,500 penyertaan.

Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik berkata, peserta kali ini bakal merebut wang tunai berjumlah RM17,500, berbanding RM15,000 pada tahun sebelumnya.

“Selain tunai, para peserta yang berjaya menyempurnakan larian mengikut ketetapan juga bakal menerima sijil penghargaan serta pingat,” katanya pada sidang media promosi acara tahunan di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yuee Harng turut sertai sidang media itu.

Pendaftaran pertandingan yang terbahagi kepada lapan kategori berkaitan dibuka sehingga 15 Mei ini.

Hubungi talian hotline, **011 - 1070 8938** atau layari portal, *www.komtartowerrun.com.my* untuk mendapatkan pendaftaran atau maklum balas lanjut.

Pendaftaran secara manual turut dibenarkan di kaunter pendaftaran khas yang terpilih seperti berikut :

| Kaunter Pendaftaran Khas | No. Telefon |
|---|---|
| PDC Setia Urus Sdn. Berhad. | 04-2623705 |
| Pusat Khidmat ADUN KOMTAR (Teh Lai Heng) | 04-227-7068 |
| Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kawasan Tanjong | 04-2270215 |
| Kaunter Berpusat MPSP | 04-5497555 |
| Pusat Khidmat ADUN Berapit (Ong Kok Fooi) | 04-5308746 |
| Pusat Khidmat ADUN Seberang Perai (Dr. Afif Bahardin) | 04-3905190 |

# Deruman ‘kereta’ meriahkan trek lumba Jln. Tengah




SEBAHAGIAN peserta mengambil kesempatan untuk bergambar bersama-sama kereta kawalan jauh masing-masing sebelum memulakan perlumbaan kejohanan *‘The Dirt Northern Nitro Challenge’* di sini baru-baru ini.

***VROOOOMM...*** Bunyi deruman enjin kereta kawalan jauh atau *radio-controlled car* (RC) di trek lumba dekat Pesisir Sungai Keluang, Jalan Tengah, Pantai Jerejak sempena kejohanan ‘*The Dirt Northern Nitro Challenge*’ di sini baru-baru ini bukan sahaja meriah, malah menjadi tarikan pengunjung untuk singgah bersantai bersama-sama keluarga.

Apatah lagi, kejohanan yang julung kali diadakan itu turut mendapat penyertaan peserta dari Hong Kong, Indonesia dan Jepun.

Dirasmikan oleh Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin, litar yang mula dibuka kepada umum sejak Jun tahun lalu itu adalah hasil inisiatif peminat RC dan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon dan Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato’ Mansor Othman turut meluangkan masa menyaksikan kejohanan tersebut.

Disertai 60 peminat RC, Tze Tzin berharap trek tersebut dapat digunakan sebaik mungkin bukan sahaja peminat RC, tetapi juga mereka yang ingin berjinak-jinak dengan kereta kawalan jauh.

# ASINGKAN SISA ANDA

## Pelaksanaan Mulai 1 Jun 2016

### SISA KITAR SEMULA



**KERTAS**

CONTOH:
surat khabar / kotak / majalah / kadbod / buku



**PLASTIK**

CONTOH:
botol plastik / bekas plastik / beg plastik /bekas makanan plastik / baldi plastik



**KACA**

CONTOH:
botol kicap / botol minuman



**TIN ALUMINIUM/ BESI/LOGAM**

CONTOH:
tin aluminium / tin makanan / besi / logam

### SISA BAKI



* Gambar daripada http://www.swcorp.my/SAS/

**SISA MAKANAN**

CONTOH:
kulit buah-buahan / sayur-sayuran / kulit telur / nasi



* Gambar daripada http://www.swcorp.my/SAS/

**SISA KOTOR**

CONTOH:
lampin pakai buang / tisu kotor / bahan-bahan kotor / kotak / kertas tercemar

### PENGENALAN

Pengasingan sisa di punca akan dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang bermula **1 Jun 2016**. Semua premis diwajibkan untuk mengasingkan sisa sekurang-kurangnya kepada dua aliran iaitu sisa kitar semula kering dan sisa baki.

**MENGURANGKAN** jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan

**MENINGKATKAN** jangka hayat tapak pelupusan

**MENINGKATKAN** kadar kitar semula

**MENGURANGKAN** penggunaan sumber

HOTLINE:
MBPP : 04-263 7637
MPSP : 04-549 7555
Penang Green Council : 04-250 3322


PENANG
INSTITUTE
making ideas work
MASUK ADALAH
PERCUMA
QUO
VADIS,
MALAYSIA?
KE MANAKAH HALA TUJU MALAYSIA?
oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad
8 Mei 2016 (Ahad) | 4 ptg
STRAITS QUAY CONVENTION CENTRE
(TINGKAT 6)
www.penanginstitute.org
penanginstitute

# MPSP jimat RM4 juta jika jana sampah kurang 50% berjaya

**SEBERANG JAYA** – Peruntukan untuk kerja-kerja pembersihan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mampu dijimatkan hampir RM4 juta tahun ini sekiranya penjanaan sampah harian seberat 1,100 tan berjaya dikurangkan 50 peratus tiap-tiap hari mulai Mei ini.

Menurut Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, pihaknya membelanjakan RM8.89 juta *tiping fee* sebagai caj atas 440,460 tan sisa pepejal yang dikumpulkan ke tapak pelupusan sampah Pulau Burung, sepanjang tahun lalu.

"RM22.20 *tiping fee* untuk satu tan, ertinya RM8.79 juta dibelanjakan dalam satu tahun, jika 1,100 tan sampah sarap yang dijana tiap-tiap hari dikumpulkan ke Pulau Burung.

"Kalau kadar kitar semula tinggi (39 peratus), tetapi penjanaan sampah pun tinggi, maka ia tidak memberi impak (pada usaha menjimatkan sumber dana MPSP).

"Kalaulah kita boleh kurangkan sampah sehingga 50 peratus, kita akan jimat hampir RM4 juta," katanya di sini baru-baru ini.

Sehingga kini, difahamkan, Kerajaan Negeri melalui MPSP dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membelanjakan RM199.3 juta atau 40 peratus peruntukan tahunan 2016 berwajib.

Manakala Maimunah pula memberitahu, MPSP sendiri sehingga kini membelanjakan kira-kira 32 peratus daripada peruntukan tahunan majlis untuk kerja-kerja pembersihan.

Sebelum itu, Maimunah bersama-sama Setiausaha Majlis, Sr. Rozali Mohamud serta para Ahli Majlis lain menyampaikan hadiah kepada lebih 50 pemenang pada Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2016.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung merah) bergambar kenangan bersama-sama pemenang cabutan bertuah sempena Promosi Cukai Pintu 2016 di sini baru-baru ini.**

Lima pemenang kategori pembayaran atas talian diberi hadiah berupa telefon pintar, manakala, 50 pemenang lain mendapat pelbagai hadiah utama yang lumayan seperti *mountain bike*, peralatan kesihatan serta rekreasi, aksesori elektrik dan sebagainya.

MPSP berjaya mengutip cukai taksiran sebanyak RM80.75 juta dengan 137,405 jumlah transaksi sempena Promosi Cukai Pintu 2016, berbanding tahun sebelum itu, RM38.54 juta melalui 112,190 transaksi.

# Promosi Cukai Pintu 2016, MPSP pungut RM80.75 juta

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berjaya memungut cukai taksiran sebanyak RM80.75 juta sepanjang tempoh Promosi Cukai Pintu 2016 yang bermula 15 November 2015 hingga Januari 2016 dan dilanjutkan ke tarikh 29 Februari lalu.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, jumlah itu adalah melebihi sasaran yang telah diselaras MPSP iaitu pada kadar RM74 juta.

"Daripada jumlah 42,178 akaun yang layak (menyertai cabutan bertuah), lima pemenang adalah bagi kategori bayaran secara atas talian dan 50 (kategori biasa)," katanya di sini baru-baru ini.

Jumlah pemenang menyertai acara cabutan bertuah pada tahun ini meningkat 12.65 peratus, berbanding Promosi Cukai Taksiran 2015 yang menerima penyertaan seramai 37,443 pembayar cukai berwajib.

Promosi Kutipan Cukai Pintu 2015 berjaya mencatatkan pungutan bayaran sebanyak RM38.54 juta melalui 112,190 transaksi daripada pembayar cukai.

# Segera mohon HAPPY!, seru MP Bayan Baru



**SIM Tze Tzin (sembilan dari kiri), A. Kumaresan (berbaju kuning) dan S. Sukumar (lima dari kanan) bersama-sama sebahagian penduduk setempat merakamkan gambar dengan berlatarbelakangkan Flat MBPP yang berwajah baru di sini baru-baru ini.**

Teks dan Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN** – Persatuan penduduk rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah yang dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) digesa segera memohon peruntukan HAPPY! atau Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang di bawah Kerajaan Negeri hari ini.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata demikian semasa melawat Flat MBPP berhampiran Terminal Bas Sungai Nibong yang siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan, Gan Ay Ling dan Ahmad Azrizal Tahir serta bekas Ahli Majlis, S. Sukumar yang berusaha menaiktaraf flat itu, tahun lalu.

Tze Tzin turut memuji inisiatif MBPP mengecat serta "meremajakan semula" rumah pangsa berusia 30 tahun itu.

Dalam pada itu, Kumaresan memberitahu, projek penarafan tersebut menelan belanja berjumlah RM148,000.

"Antara penaiktarafan yang dijalankan ialah mengecat semula bangunan, naiktaraf parkir motosikal, naiktaraf sistem perpaipan, menggantikan tong sampah serta mengecat dan penyusunan semula tempat letak kereta.

"Projek ini juga berjaya disiapkan mengikut masa ditetapkan, iaitu bermula pada November 2015 dan selesai menjelang April 2016," jelas beliau.

Terdapat 120 unit di kedua-dua flat, terdiri oleh rumah kategori satu bilik, dua bilik dan tiga bilik, yang disewakan khusus kepada golongan terpilih di sini.

# Didik amalan pengasingan sisa di punca sejak sekolah, lahir generasi prihatin

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Program pendidikan mengenai amalan pengasingan sisa di punca mesti dilangsungkan ke semua sekolah di negeri ini, selain langkah penguatkuasaan berwajib mulai 1 Jun ini, kata Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

"Amalan hijau yang diterapkan sejak bangku sekolah bukan saja bakal melahirkan generasi prihatin terhadap pemuliharaan alam sekitar, bahkan pengetahuan dan amalan tersebut akan mempengaruhi tingkah laku seseorang pada masa depan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota di sini.

Hadir sama, barisan Ahli Majlis MBPP, serta beberapa wakil penaja seperti Suiwah Corporation Berhad, E&O Property (Penang) Sdn. Bhd. dan *Mah Sing Group*.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diminta memberi tumpuan pada penerapan Amalan 4R, atau *Rethink* (Fikir Semula), *Reduce* (Kurangkan), *Reuse* (Guna Semula) dan *Recycle* (kitar Semula) dalam silibus pendidikan tidak langsung, meliputi pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Dalam pada itu, Setiausaha Majlis MBPP, Ir. Ang Aing Thye berkata, sehingga 7 April lalu, sebanyak 59 sekolah telah menghantar penyertaan anugerah kali ini, berbanding 38 buah yang mengambil bahagian pada saingan tahun lalu.

Tambahnya, penganugerahan adalah berdasarkan penilaian pada aspek *recycle & upcycle*, inovasi dan kreativiti, kebersihan, penghijauan serta penglibatan komuniti.

"Tarikh tutup penyertaan adalah pada 21 April 2016, program tahunan kali ini menawarkan hadiah wang tunai (sejumlah) RM10,000, 64



WONG Wai Pheng.

unit komputer riba terpakai untuk kegunaan sekolah, piala berserta sijil penghargaan," jelasnya.

Sementara itu, Guru Pembimbang Sekolah Kebangsaan (SK) Convent Lebuh Light, Wong Wai Pheng berharap sekolahnya turut dipilih sebagai johan pada kali ini, seperti pada tahun 2015.

"Diharap tahun ini, turut akan membawa tuah buat kami.

"Kita (pihak sekolah) akan meneruskan usaha menanam pokok-pokok hijau, mengitar semula sisa menjadikannya enzim dan baja kompos serta akan terus membuka peluang buat pelajar untuk bekerja sebagai satu pasukan dalam memelihara alam sekitar," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini.

Dalam majlis berasingan, Aing Thye turut melancarkan Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah 2016 F&N Peringkat Pulau, yang dianjurkan secara bersama dengan syarikat Fraser & Neave Holdings Bhd. (F&N).

Difahamkan, pertandingan itu berlangsung selama empat bulan mulai 11 April lalu hingga 12 Ogos depan, dengan penyertaan terbuka peringkat pra-sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Pemenang pertandingan bakal menerima wang tunai RM1,400, diikuti RM1,300 (naib johan), RM1,200 (ketiga), RM1,100 (keempat), RM1,000 (kelima) dan saguhati (lima pemenang, masing-masing RM300)

Sebarang pertanyaan, sila layari laman sesawang, *www.mbpp.gov.my*.




SEBAHAGIAN kanak-kanak menunjukkan poster penganjuran Anugerah Sekolah Hijau 2016 pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

## *Pedestrian is King of the Road* diperluas ke Lebuh Chulia

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) giat melaksanakan kempen *Pedestrian is King of the Road*, demi mengubah sikap pemandu kenderaan supaya mengutamakan pejalan kaki

Ahli Majlis bagi MBPP, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata, inisiatif terbaru pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan adalah dengan mewujudkan sebuah lagi lintasan tanpa lampu isyarat untuk pejalan kaki di Lebuh Chulia berhampiran persimpangan Lebuh Cinta.




MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (bertopi) bersama-sama Muhamad Husni Mahmud (memegang papan tanda) pada Majlis Pelancaran *Pedestrian is King of the Road* dekat Lebuh Chulia di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, katanya, telah wujud tiga lintasan pejalan kaki tanpa lampu isyarat di sini.

"Selalunya, kelihatan kenderaan akan jalan terus sahaja, tetapi dengan lintasan seperti ini, kita beri laluan kepada pejalan kaki. Tambahan pula, kawasan seperti ini adalah kawasan tumpuan pelancong.

"Kempen *(Pedestrian is King of the Road)* seperti pemasangan papan tanda, poster dan hebahan melalui radio diharap dapat membangkitkan kesedaran pemandu-pemandu di Pulau Pinang berkenaan hal tersebut," jelasnya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Pedestrian is King of the Road dekat Lebuh Chulia di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penguatkuasa Bahagian Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut, Inspektor Mohd. Izarrie Shafie, Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Muhamad Husni Mahmud, Ahli Majlis bagi MBPP, Gan Ay Ling, Nur Zarina Zakaria, D.R Kala dan Chris Lee Chun Kit.

Mengulas lanjut, Mohd. Izarrie mengingatkan bahawa pemandu yang mengabaikan lintasan pejalan kaki boleh dikompaun maksimum sebanyak RM300.

Projek *Pedestrian is King of the Road* buat julung kalinya dilancarkan pada 30 November 2015 di Lebuh Farquhar, berhampiran mahkamah dan diikuti Jalan Burma.




**Tabung Usahawan Tani Muda merupakan program skim mikro kredit oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menawarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 bagi membantu usahawan-usahawan tani di negeri ini memperkembangkan perusahaan masing-masing.**

**Antara penerima skim Tabung Usahawan Tani Muda yang berjaya dan cemerlang ialah Muhammad Hashim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mohd. Salmee Ismail (penanaman sayur-sayuran, Daerah SPT) dan**

# SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA 2016

## BERSAMA JAMINKAN KESAKSAMAAN UNTUK KESEJAHTERAAN BERSAMA DENGAN PWDC




**YB CHONG ENG**

**Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang**

***"Kaum wanita bukannya kumpulan yang bersifat homogen. Memahami keperluan kumpulan ini dalam konteks perjuangan mereka adalah penting bagi memastikan langkah pergalakkan yang efektif dapat diimplikasikan untuk mewujudkan suasana yang adil dan saksama berdasarkan prinsip kesaksamaan substantif. Contohnya, suri rumah sepenuh masa ingin nilai ekonomi dalam kerja mereka sepanjang masa (24 jam) dihargai oleh kerajaan. Ibu berkerjaya pula, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah memerlukan subsidi dari kerajaan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan anak. Wanita tunggal yang berusia inginkan rumah yang berpatutan selepas pesaraan kelak. Sokongan yang diberikan oleh kerajaan bukan hanya memanfaatkan kaum wanita, tetapi juga kepada keluarga, komuniti dan ekonomi dalam jangka masa panjang. Semua ini harus diutamakan dalam perancangan dan bajet untuk mewujudkan masyarakat yang membolehkan wanita dan kanak-kanak perempuan mencapai kesaksamaan gender.***




## PULAU PINANG PENERAJU TADBIR URUS BAIK DENGAN PELAKSANAAN *GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING* (GRPB)




Buku *Gender Responsive and Participatory Budgeting: Imperatives for Equitable Public Expenditure* telah dilancarkan pada 31 March.

Kerajaan Negeri menyatakan sokongan dan komitmen yang berterusan bagi membantu proses penginstitusian *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Buku GRPB merupakan pertama seumpamanya diterbitkan di Malaysia dan peringkat antarabangsa dan menariknya buku tersebut adalah kerana ia disunting berdasarkan hibridisasi antara *Gender Responsive Budgeting* (GRB) dan juga *Participatory Budgeting* (PB). Ia merupakan hasil kompilasi pembentangan di Persidangan Serantau Asia, *Gender Responsive Budgeting Narratives: Transforming Institutions, Empowering Communities* yang berlangsung di Pulau Pinang pada Februari 2014. Penulis-penulis di dalam buku tersebut terdiri daripada pakar-pakar GRB dan PB dari pelbagai negara seperti Portugal, Austria, Jerman, India, Indonesia, Nepal, Malaysia dan Filipina.

Buku tersebut boleh didapati dengan harga RM 38 bagi cetakan keluaran Malaysia dan Singapura di *Strategic Information and Research Development Centre* (SIRD), Gerakbudaya dan PWDC.

# SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA 2016

## BERSAMA JAMINKAN KESAKSAMAAN UNTUK KESEJAHTERAAN BERSAMA DENGAN PWDC

**400**

**jam bekerja**










**Tema antarabangsa Hari Wanita Sedunia ialah "Pledge for Parity" iaitu "Bersama Jaminkan Kesaksamaan". Tema ini menekankan kepentingan kesaksamaan / kesetaraan gender dalam pembangunan masyarakat dalam semua aspek**

**OBJEKTIF**

- ✔ Membantu wanita dan gadis mencapai cita-cita dan potensi penuh mereka
- ✔ Menyeru untuk kepimpinan yang seimbang gender
- ✔ Menghormati dan menghargai perbezaan gender dalam keluarga, tempat kerja dan masyarakat
- ✔ Membina budaya hormat dan tidak ganas yang lebih inklusif dan fleksibel




5 Mac - Forum Belia Youthspeak



6 Mac - Kwong Wah Sister Camp




7 Mac - Majlis Pelancaran Hari Wanita Sedunia



10 Mac - Bengkel Isu Wanita dan Gender



12 Mac - PWDC di Perarakan Yosakoi




13 Mac - Forum Kesedaran Kaum Wanita



15 Mac - Forum "Ini Hal Lelaki"



19 Mac - Pelancaran *Graffiti Wall*



21 Mac - Bengkel *Gender Savvy*



26 Mac - Tampil 2.0



29 Mac - Forum Kesetaaran Gender dan Pihak Berkuasa Tempatan



30 - 31 Mac - Bengkel *Institutionalising GRPB into Local Government Budgeting Process*

## FOKUS: BENGKEL 'INI HAL LELAKI'

Bengkel yang dianjurkan oleh MBPP bersama PWDC merupakan sebuah bengkel khas untuk staf lelaki untuk mengupas impak stereotaip gender terhadap lelaki dan wanita dalam bengkel ini, bagaimana stereotaip ini menjadi norma dan seterusnya bagaimana ia membentuk pandangan dan hubungan lelaki dan wanita. Bengkel ini merupakan satu lagi projek khas yang boleh ditagline "Penang Leads" kerana buat pertama kali , bengkel yang memfokus kepada lelaki dan norma-normal maskulin telah diadakan.



**Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0**

# DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA




Sila isi butiran berikut:

Nama : ........................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ........................................

Alamat: ........................................

........................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ........................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ........................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 April 2016** hingga **14 Jun 2016.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM300**
**Kedua: RM200**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**

Anjuran bersama:

PENANG GREEN COUNCIL